

AS\$681 juta dalam akaun Najib disyaki wang beli undi

Saksi maklumkan transaksi daripada syarikat dikawal sekutu Jho Low

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam diberitahu, wang berjumlah AS\$681 juta diterima Datuk Seri Najib Razak dalam akaun bank peribadi AmBank miliknya disyaki wang rasuah, yang digunakan untuk membeli undi ketika persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) pada tahun 2013.

Penguasa Kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nur Aida Arifin yang juga pegawai penyiasat skandal 1Malaysia Development berhad (1MDB), berkata wang itu diterima daripada syarikat pelaburan, Tanore Finance Corporation melalui Falcon Private Bank Singapore.

Bagi kes pendakwaan, Tanore Finance adalah syarikat yang dikawal oleh Eric Tan Kim Loong, iaitu sekutu rapat ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau lebih dikenali dengan nama Jho Low.

Nur Aida yang juga saksi ke-49 pendakwaan, berkata maklumat yang diterima menyatakan pada



Nur Aida (dua dari kanan), saksi ke-49 pendakwaan hadir di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

2013, akaun peribadi bekas Perdana Menteri yang menerima wang berkenaan ialah akaun di AmPrivate Banking, AmBank Berhad bernombor 2112022009694.

Saksi itu berkata demikian merujuk Borang Aduan yang dibuat bagi menjalankan siasatan mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009, yang dibuat pada 4 Mei 2015.

Beliau berkata, melalui satu lagi Borang Aduan, maklumat diterima menunjukkan Najib sebagai Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB dan Menteri Kewangan menerima suapan melalui dana awam pelaburan 1MDB berjumlah

RM3.217 bilion yang dimasukkan ke dalam akaun sama antara 2011 dan 2013 untuk kepentingan peribadi.

Tandatangan aduan

Katanya, aduan dibuat bagi menjalankan siasatan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM di mana beliau sendiri menandatangani aduan itu yang dibuat 17 Mei 2018.

Nur Aida memberikan keterangan ketika membacakan pernyataan saksinya pada pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Akram Gharib pada perbicaraan rasuah dan pengu-

bahan wang haram dana RM2.3 bilion milik 1MDB yang dihadapi Najib.

Beliau berkata, fokus siasatan adalah bagi kesalahan di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009 iaitu berkenaan kemasukan wang dalam jumlah yang sangat besar ke dalam dua akaun peribadi Najib iaitu akaun yang berakhir dengan nombor 694 dan 880 di antara 2011 dan 2014.

Beliau menjalankan siasatan berdasarkan dokumen diperoleh daripada beberapa pihak antaranya Bank Negara Malaysia, 1MDB, Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Kewangan.

Mahkamah Tinggi sebelum ini diberitahu Tanore Finance memindahkan AS\$681 juta ke dalam akaun peribadi AmIslamic Bank milik Najib.

Dana itu sebahagian daripada terbitan bon 1MDB keseluruhannya berjumlah AS\$3 bilion yang sepatutnya dilaburkan bagi usaha sama 1MDB dengan Aabar Investment PJS yang dikenali sebagai Abu Dhabi Malaysia Investment Company (ADMIC).

Menurut Penganalisis Pasukan Petugas Khas 1MDB, Adam Ariff Mohd Roslan, pada hari sama Tanore Finance menerima AS\$640 juta iaitu pada 21 Mac 2013, ia mengarahkan Falcon Bank memindahkan AS\$681 juta ke nombor akaun 211-202-200969-4 di bawah nama AmPrivate Banking-MR' di AmIslamic Bank secepat mungkin.